

Masyarakat India digesa tolak parti pembangkang ekstrem

UM - 9 SEP 2002

MELAKA 8 Sept. — Masyarakat India di negara ini digesa menolak parti pembangkang yang bersifat perkauman dan menganjurkan fahaman agama secara ekstrem bagi memastikan keharmonian yang dinikmati selama ini berkekalan.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam berkata, parti politik seperti itu sanggup menggunakan sebarang isu yang berkaitan dengan agama dan kaum semata-mata untuk meraih sokongan.

Menurutnya, rakyat pelbagai kaum di negara ini boleh menjadikan Malaysia sebuah negara yang harmoni dan makmur sekiranya menolak parti-parti yang ekstrem.

“Asas (keharmonian) kita selama ini adalah hormat-menghormati antara satu

sama lain,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Pemuda dan Wanita parti Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF) di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini hari ini.

Hadir sama ialah Presiden IPF, Datuk M.G. Pandithan dan juga kira-kira 2,000 perwakilan kedua-dua pergerakan itu dari seluruh negara.

Mohd. Ali memberitahu, walaupun berbeza agama dan budaya, masyarakat majmuk di negara ini menerima layanan yang sama dalam kesemua bidang.

Katanya, kerajaan Barisan Nasional (BN) memberi hak yang sama rata terhadap setiap orang dalam bidang ekonomi, sosial dan juga politik.

“Setiap orang ada satu

undi tanpa mengira kaumnya iaitu hak yang sama untuk semua warganegara,” ujarnya.

Ketua Menteri turut menyambut baik komitmen yang ditunjukkan oleh IPF terhadap BN walaupun sehingga kini parti itu belum diterima menjadi parti komponen BN.

Katanya, adalah lebih baik IPF terus bersama-sama dengan BN daripada menyertai parti pembangkang kerana mereka tidak boleh memberi harapan kepada negara.

Pada majlis itu juga, para perwakilan berikrar untuk terus menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan juga pemimpin BN di peringkat pusat dan negeri.